

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI


www.mbpj.gov.my


Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjkitia

smartbj

BIL. 3/2022

• ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA


PROGRAM SARINGAN PANGKAL RAHIM PERCUMA

Berita Penuh MS 3

SISTEM HEADCOUNT INFRA RED AKAN DIPERKENALKAN

Sistem ini juga dilengkapi dengan paparan papan pemuka (dashboard) di pintu masuk bazar Ramadhan bagi memaparkan maklumat keberadaan pengunjung dan maklumat tersebut akan digunakan oleh Majlis serta agensi-agensi Kerajaan seperti PDRM, KKM dan lain-lain agensi dalam pematuhan SOP.

Berita Penuh MS 4


MAJLIS KOMITED MENYELESAIKAN ISU BANJIR KILAT

kajian lebih terperinci juga sedang dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik oleh Majlis untuk mengenal pasti masalah dan tindakan yang akan diambil dengan mengambil kira data pasca bencana yang berlaku pada Disember 2021.

Berita Penuh MS 7


Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [t](#) [y](#) [pjcouncil](#) [pjktia](#) [smartpj](#)

PENAUNG
Mohamad Azhan bin Md Amir

PENASIHAT
Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin
Muhammed Azmi bin Yusoff
Hasbullah bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edur binti Mazelan
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 • 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KOMITED DALAM MELAKSANAKAN INTEGRITI

Sebagai anggota perkhidmatan awam Pihak Berkuasa Tempatan dan menjadi jentera kepada Majlis yang melaksanakan segala dasar dan keputusan Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan, kita perlu berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan mengutamakan kepentingan Awam. Namun, isu atau aduan mengenai pelanggaran tatakeluasan serta teguran audit secara tidak langsung menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta imej perkhidmatan awam keseluruhannya.

Di peringkat Majlis, semua warga kerja perlu sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa seperti Pekeliling Perkhidmatan, Garis Panduan dan Prosedur Standard Operasi yang telah ditetapkan. Aspek pencegahan merupakan satu bentuk kawalan dalam dan perlu dilaksanakan oleh Ketua Jabatan sama ada dalam bentuk pemantauan, naziran atau lain-lain kaedah yang bersesuaian.

Keperluan pencegahan ini amat penting kerana pengurusan kakitangan, perolehan, pengurusan projek, pengurusan kewangan dan penguatkuasaan merupakan bidang yang berisiko untuk berlakunya rasuah serta penyelewengan. Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes tatatertib melibatkan warga Majlis yang perlu ditangani agar tidak lagi berlaku di masa akan datang.

Statistik kes perlanggaran tatatertib mulai tahun 2019 sehingga Mac 2022 telah menunjukkan terdapat Sembilan (9) kes yang dikenakan hukuman Buang Kerja yang melibatkan pecahan kes seperti berikut :-

- a) Sebanyak Empat (4) kes Tidak Hadir Bertugas
- b) Sebanyak Empat (4) kes Penyalahgunaan Dadah
- c) Sebanyak Satu (1) kes Pelanggaran Prosedur Tuntutan Projek

Pada masa yang sama, dalam apa jua tindakan yang melibatkan kewangan serta perbelanjaan Majlis, prinsip "value for money" hendaklah sentiasa ditekankan, di samping 'outcome' atau impak positif yang diperolehi bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan. Setiap projek atau aktiviti hendaklah dirancang terlebih dahulu dan diuruskan secara efisien, di samping berusaha untuk mengelakkan pembaziran, apatah lagi ketirisan serta penyelewengan.

ANDA TAK TAHU SIAPA YANG AKAN BUA

LAPORAN TENTANG SALAH LAKU ANDA

Elakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berintegriti.

PROGRAM SARINGAN PANGKAL RAHIM PERCUMA



Bersempena dengan sambutan Hari Kesedaran HPV Sedunia (International HPV Awareness Day) dan Hari Wanita yang disambut pada 18 Mac yang lalu, Majlis dengan usahasama ROSE Foundation (sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan) telah menganjurkan Program Saringan Pangkal Rahim (Cervical Screening) secara percuma kepada golongan wanita khususnya untuk komuniti Petaling Jaya.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi kesedaran dan menggalakkan golongan wanita agar sentiasa prihatin terhadap penjagaan kualiti tahap kesihatan masing-masing terutamanya berkaitan kanser serviks yang jarang mendapat perhatian sewajarnya.

Ujian saringan pangkal rahim adalah cara pencegahan yang utama dan penting untuk pengesanan kanser pada peringkat awal dan mengelakkan barah tahap keempat. Pemeriksaan melalui ujian HPV merupakan kaedah terkini yang lebih efisien dan memudahkan wanita kerana ia boleh dibuat sendiri dengan menggunakan swab kendiri (self-sampling swab). Persampelan sendiri ini membolehkan wanita berada dalam keadaan selesa dengan perasaan selamat tanpa malu waktu ujian.



HASIL MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA STABIL

Prestasi keseluruhan kutipan hasil Majlis sehingga 28 Februari 2022 adalah sebanyak RM 109,941,518 atau 28.28% daripada sasaran berbanding dengan kutipan dalam tempoh yang sama pada tahun lepas sehingga 28 Februari 2021 iaitu sebanyak RM 103,969,660 atau 26.54% daripada sasaran. Peningkatan hasil adalah sebanyak RM 5,971,858 atau 5.74%.

Prestasi kewangan Majlis menunjukkan peningkatan kewangan sebanyak RM 2,246,795 selepas merekodkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM 36,272,706 dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 6,474,779 berbanding tahun 2021.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis sehingga 28 Februari 2022 berada di dalam keadaan stabil dengan mencatatkan lebihan kutipan hasil berbanding belanja berjumlah RM 67,194,033.



SISTEM HEADCOUNT INFRA RED AKAN DIPERKENALKAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memperkenalkan Sistem Headcount menggunakan fungsi Infra-Merah di dua lokasi bazar Ramadhan di SS 6/1, Kelana Jaya dan Seksyen 4, Kota Damansara bagi tujuan pematuhan tatacara pematuhan piawai (SOP) kawalan wabak COVID-19.

Pada tahun 2021, sejumlah 211,026 pengunjung bazaar Ramadhan di Petaling Jaya direkodkan hasil perolehan data melalui aplikasi MySejahtera. Daripada jumlah tersebut, 38,887 pengunjung adalah dari Bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya diikuti dengan Seksyen 4, Kota Damansara dengan jumlah sebanyak 29,187 pengunjung.

Sehubungan dengan itu, Majlis telah mewujudkan sistem headcount dengan penggunaan fungsi infra-merah bagi memastikan jumlah pengunjung adalah terkawal dengan jumlah pengunjung tidak melebihi 2 orang pada satu-satu masa di setiap petak peniaga bazar. Bagi kiraan mudah, sekiranya Majlis menyediakan menyediakan 30 petak di sesuatu lokasi itu, jumlah pengunjung dibenarkan masuk hanyalah seramai 60 orang pada satu-satu masa. (Jumlah petak X jumlah maksimum pengunjung di petak = Jumlah keseluruhan pengunjung tapak bazar).

Sistem ini juga dilengkapi dengan paparan papan pemuka (dashboard) di pintu masuk bazar Ramadhan bagi memaparkan maklumat keberadaan pengunjung dan maklumat tersebut akan digunakan oleh Majlis serta agensi-agensi Kerajaan seperti PDRM, KKM dan lain-lain agensi dalam pematuhan SOP.

Di samping itu, Majlis turut melantik anggota RELA bagi memastikan pematuhan SOP dan kawalan pengunjung di setiap lokasi bazar Ramadhan pada tahun ini. Untuk makluman, Majlis telah menyediakan 20 lokasi bazar Ramadhan di Petaling Jaya dengan tawaran sebanyak 776 petak untuk disewa. Walaubagaimanapun Majlis hanya menerima sebanyak 611 permohonan sahaja pada tahun ini. Lokasi tapak bazar adalah seperti berikut:

1. Taman Medan PJS 2/3
2. Taman Sri Manja PJS 1/30
3. Kg Lindungan PJS 6/3
4. Desa Mentari PJS 6/5
5. SS 6/1, Kelana Jaya
6. SS 8, Sg Way
7. Seksyen 17/1A
8. Seksyen 14/27
9. Kg Baiduri, Seksyen 51A
10. Seksyen 8, Sg Jernih
11. Kg Sg Kayu Ara
12. Lembah Subang
13. Seksyen 4 Kota Damansara
14. Apartment Meranti, Bandar Sri Damansara
15. Apartment Vista, Damansara Damai
16. Prima Damansara
17. Jalan Kenyalang 11/1, Kota Damansara
18. Seksyen 3, Jalan Sentosa
19. Jalan Teknologi 3/1, Kota Damansara

Dalam pada itu, Majlis sekali lagi akan meneruskan pemberian insentif kupon sebanyak RM 15.00 kepada pengunjung bazar Ramadhan yang membawa bekas makanan atau beg kitar semula bagi mengurangkan penggunaan polisterina atau beg plastik. Usaha ini dilakukan bagi menyokong agenda Kerajaan Negeri Selangor melalui Kempen Bebas Plastik sebagai usaha memotivasi penduduk serta pengunjung bazar Ramadhan di Petaling Jaya. Operasi Bazar Ramadhan di sekitar Petaling Jaya akan bermula pada 3 April 2022 hingga 2 Mei 2022, bermula pada pukul 4.00 petang hingga 7.00 malam.



TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL KEPADA PIHK YANG INGKAR

Baru-baru ini Majlis telah menerima banyak aduan daripada penduduk berkenaan pembinaan tanpa kebenaran terutamanya di pangsapuri kos rendah di sekitar Kota Damansara, Bandar Sri Damansara dan PJS.

Antara aduan yang diterima adalah pemilik membuat penyambungan atau tambahan bangunan bahagian tepi dan belakang unit, membina parkir persendirian, gerai, bengkel dan sebagainya. Kebanyakan kerja pembinaan tersebut dilakukan oleh pemilik unit di tingkat bawah ‘ground floor’ kerana terdapat sedikit ruang atau tanah lebih di belakang atau tepi unit mereka yang merupakan kawasan harta bersama. Kerja pengubahsuaian tersebut telah menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan seperti pembersihan longkang dan penyelenggaraan paip saluran pembentungan tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Untuk pengetahuan, menurut Peraturan 27 (1) & (4) Undang-Undang Kecil Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata 2015, pemilik tidak boleh menjalankan apa-apa kerja pengubahsuaian tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Pengurusan dan apabila perlu daripada pihak berkuasa. Kerja pengubahsuaian yang dilakukan hendaklah terhad kepada sempadan petak dan tidak boleh dilaksanakan atas mana-mana harta bersama.

Peraturan tersebut juga selaras dengan Seksyen 70 (1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang menyebut “tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa

mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan”.

Tindakan yang dilakukan oleh segelintir pemilik tersebut adalah jelas telah melanggar peruntukan Seksyen tersebut di mana Majlis boleh memberi notis kepada pemilik bangunan untuk tidak memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu, meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa dan mengambil langkah-langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh Majlis.

Sekiranya pemilik gagal mematuhi notis tersebut, iaanya merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 72(4) Akta 133 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh notis yang dinyatakan dalam notis itu. Selanjutnya, Majlis boleh meruntuhkan binaan tersebut dan menuntut segala kos dan belanja bagi meruntuhkan bangunan itu, memindahkan apa-apa harta alih yang terdapat dalam bangunan itu, menyimpan harta alih itu, dan apa-apa aktiviti lain yang bersampingan.

Majlis ingin menyeru dan menasihati kepada semua pemilik di skim strata agar mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan untuk menjaga kepentingan bersama dan mengekalkan keharmonian penduduk. Penduduk skim strata juga dinasihatkan supaya merujuk pihak pengurusan JMB/MC dan Majlis untuk medapatkan nasihat sebelum memulakan apa-apa kerja pengubahsuaian di tapak.

PASCA COVID-19: MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA AKAN MENERUSKAN ACARA KESENIAN

Kota Seni PJ merupakan program pembangunan dan penganjuran acara kesenian di Petaling Jaya setaraf dengan pengiktirafan bandar raya Petaling Jaya sebagai Kota Seni pada tahun 2015 oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ia juga menjadi hub baru kesenian di Petaling Jaya dengan acara-acara seni yang pelbagai setiap minggu dan bulan menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya ‘hidup’ seni dengan pelbagai aktiviti kesenian untuk masyarakat sekeliling.

Sehubungan dengan itu, Majlis pada tahun ini amat komited untuk meneruskan program Kota Seni Petaling Jaya seperti yang dirancang. Sehingga bulan Mac 2022, antara aktiviti yang telah dianjurkan adalah Senam Seni (Bulan Februari 2022) dan Santai Budaya (Bulan Mac

2022). Untuk makluman semua, sebanyak 5 program yang bakal diadakan pada tahun ini seperti Santai Budaya, Festival Serentak, Kota Seni Merdeka, Temasya Laga Pendekar (Telakar), Festival Nasyid dan Mini konsert Kerongcong Petaling Jaya. Majlis juga akan menganjurkan program Santai Budaya pada 1 April 2022 ini di Dataran Boulevard PJ bermula jam 3 petang di mana pelbagai acara akan dijalankan seperti Street Busking, Rumah Seni Selangor, sukan futsal, bola jaring, hoki remaja dan acara kemuncak perasmian dan kayuhan kelab berbasikal MBPJ.

Bagi rangkuman aktiviti sukan Majlis pula, Majlis telah menganjurkan Kejohanan Liga Remaja MBPJ di Stadium Hoki MBPJ pada 20 Mac 2022 dan pasukan MBPJ bawah 12 tahun telah mendapat naib johan di kejohanan tersebut.

Manakala bagi Kejohanan Liga SUPARIMAU Malaysia pula, iaanya telah pun menutup tirai pertandingan pada 20 Mac yang lalu di mana pasukan remaja MBPJ bawah 8 tahun dan 14 tahun telah muncul sebagai naib juara dan pasukan remaja bawah 12 tahun A telah mendapat tempat ketiga di dalam keseluruhan liga.

Selain itu, pasukan basikal remaja MBPJ telah mendapat tempat johan bagi acara *Downhill Women Elite* di Kejohanan Kebangsaan Mountain Bike 2022 di Putrajaya pada 4 hingga 6 Mac 2022. Pasukan basikal remaja MBPJ bawah 23 tahun juga telah memenangi podium tempat di acara *Tour Gateh Tranung*, Terengganu pada 24 Mac yang lalu. Bagi sukan futsal pula, pasukan futsal wanita MBPJ telah muncul naib johan di Kejohanan Futsal Terbuka Johor Bahru 2022 pada 20 Mac yang lalu.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA RANGKUL 3 ANUGERAH DIAMOND RECOGNITION

Bagi menangani masalah perubahan iklim secara strategik, Kerajaan telah membangunkan kerangka, *Low Carbon Cities Framework* atau dikenali dengan singkatannya LCCF pada tahun 2011 dengan kerjasama di antara Kementerian-Kementerian, Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ahli akademik dan rakan industri. LCCF, adalah kerangka yang dirumus sebagai panduan untuk mendorong dan membantu bandar-bandar di Malaysia untuk mencapai sasaran penurunan pelepasan karbon dioksida.

Kesinambungan daripada usaha ini, sebuah inisiatif iaitu, *Low Carbon Cities 2030 Challenge* yang juga dikenali sebagai LCC 2030 challenge atau cabaran bandar rendah karbon 2030, telah diperkenalkan sejak tahun 2011 yang memberi fokus kepada aspek *low carbon cities framework & assessment system*. Istilah “challenge” atau “cabaran” di bawah inisiatif ini merujuk kepada cabaran yang diletakkan kepada PBT dan organisasi untuk mengurangkan gas rumah kaca di bawah kawasan tadbir urus mereka.

Inisiatif ini telah dilancarkan pada tahun 2019 dan merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan aplikasi kerangka LCCF. Selain itu, objektif LCC 2030 Challenge adalah untuk membangunkan 200 *low carbon zone* dan 1000 *low carbon partner* di seluruh Malaysia menjelang tahun 2030.

Justeru, LCC 2030 challenge ini memusatkan kapasiti pencapaian melalui penyertaan daripada PBT, universiti dan organisasi korporat sebagai *low carbon zone* atau *low carbon partner* dengan mengambil tindakan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca di lima sektor tumpuan inisiatif ini iaitu tenaga (energy), air (water), mobiliti (mobility), sisa pepejal (waste) dan kehijauan (greenery).

Sebanyak 66 permohonan telah diiktiraf yang terdiri daripada 22 pengiktirafan bertaraf sementara (provisional certificate) (1 kategori zon & 21 kategori rakan kongsi) dan 44 pengiktirafan bertaraf diamond (Diamond Recognition), 14 kategori zon & 30 kategori rakan kongsi.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima 3 anugerah

pengiktirafan bertaraf ‘Diamond’ (Diamond Recognition) seperti berikut:

- a) Kategori Zon: Pusat Bandar Petaling Jaya – Diamond Recognition (pengurangan 15.30 peratus)
- b) Kategori Rakan Kongsi: Menara Celcom Petaling Jaya – Diamond Recognition (pengurangan 13.30 peratus)
- c) Kategori Rakan Kongsi: Menara PJX HM Shah – Diamond Recognition (pengurangan 19.37 peratus)

Secara keseluruhan bagi tahun 2021, Majlis telah mencapai pengurangan pelepasan gas rumah hijau (green house gas) sebanyak 3,014.31 tan karbon dioksida setara (tan co2 equivalent).



PJ WATCH



DENDA MAKSIMUM RM 1000

MAJLIS KOMITED MENYELESAIKAN ISU BANJIR KILAT

Susulan kejadian beberapa siri banjir kilat yang berlaku di Taman Buana Perdana PJS3/25, Majlis telah mengadakan perbincangan bersama pihak pemaju yang menjalankan projek pembangunan di kawasan tersebut iaitu BH Builders Sdn. Bhd. yang mana pihak pemaju akan menjalankan kerja-kerja serta merta seperti kerja-kerja pembesaran dan mendalamkan longkang tanah sedia ada sepanjang 600 meter (dari Jalan Maju Jaya sehingga Jalan Sri Manja) menjadikannya sebagai “inline retention” yang akan bertindak sebagai longkang takungan sementara sebelum dialihkan ke sungai.

Pihak pemaju juga akan menaikkan dinding longkang parit hujan lebat (PHL) setinggi 2 kaki di kawasan terlibat banjir kilat dan lemah iaitu di persimpangan Jalan Sri Manja dan Jalan PJS 3/25. Sementara itu juga, Majlis telah melakukan kerja-kerja menyedut/membuang takungan air yang bertakung di taman permainan kanak-kanak di Taman Buana serta menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang di tepi jalan PJS 3/25.

Dalam masa sama, kajian lebih terperinci juga sedang dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik oleh Majlis untuk mengenal pasti masalah dan tindakan yang akan diambil dengan mengambil kira data pasca bencana yang berlaku pada Disember 2021.



SEARCH AND SNAP BAGI MENDIDIK MASYARAKAT AGAR LEBIH BERTANGGUNGJAWAB

Majlis sentiasa melakukan rondaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan secara konsisten bagi memastikan tahap pematuhan SOP di kalangan pemilik perniagaan dan orang awam dijadikan budaya selari dengan perancangan ke arah fasa endemik yang akan bermula pada 1 April 2022. Fokus semakan adalah bagi memastikan pemilik-pemilik perniagaan dan orang awam terus mengadaptasi elemen-elemen pematuhan SOP di dalam aktiviti sehari-hari. Sepanjang bulan Mac 2022,

Majlis telah melaksanakan semakan ke atas 249 premis perniagaan, 3,805 penjaja, 187 lesen berisiko, 360 kawasan pasar dan 180 kawasan riadah di sekitar kawasan Petaling Jaya. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, sebanyak 848 tindakan kompaun pelbagai dan 105 tindakan sitaan telah dilaksanakan. Di samping itu, sebanyak 40 operasi bersepadu juga telah dilaksanakan bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling dan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan.

Dalam masa yang sama, Majlis turut giat melaksanakan penguatkuasaan ke atas isu pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya. Kaedah penguatkuasaan *Search and Snap* yang dilaksanakan dilihat dapat memberi impak yang sangat baik di dalam menangani masalah pembuangan sampah haram. Pendekatan proaktif yang dilaksanakan ini adalah secara serampang tiga mata iaitu bagi memantapkan omnipresence, memupuk kesedaran di kalangan orang awam agar tidak membuang sampah merata-rata serta disusuli tindakan penguatkuasaan.

Beberapa lokasi *hotspot* pembuangan sampah telah dikenalpasti melalui analisa aduan, rondaan, serta pemantauan melalui mobile CCTV. Sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2022, sebanyak

46 tindakan kompaun telah dikeluarkan melalui siasatan, intipan dan pembuktian yang diperolehi. Tugas-tugas penguatkuasaan ini akan terus dipergiatkan bagi mendidik masyarakat awam secara berterusan.





OPERASI BERSEPADU LOKALITI DENGGI

TAMAN MEDAN BARU, 3 MAC 2022 - Pejabat Ahli Majlis dan MPP Zon 17 telah melakukan operasi bersepadu lokaliti kes demam denggi di KRT Taman Medan Baru, PJS 3. Operasi ini diadakan susulan kes demam denggi yang meningkat sejak berlakunya banjir besar pada Disember 2021. Program telah dirasmikan oleh Ahli Majlis MBPJ Zon 17, Pn. Norah Mansor.



LAWATAN PUSAT PEMPROSESAN MINYAK TERPAKAI

SEKSYEN 3, 5 MAC 2022 - MPP Zon 15 telah menganjurkan program lawatan kejiranannya ke pusat pemprosesan minyak terpakai di Jalan 3/61, Seksyen 3 Petaling Jaya yang telah disertai seramai 10 orang wakil Kawasan Rukun Tetangga (KRT) flat PKNS Taman Dato' Harun. Peserta lawatan diberi taklimat mengenai cara memproses minyak terpakai dengan cara yang betul untuk menjaga alam sekitar.



EDARAN KOTAK MAKANAN

SEKSYEN 52, 6 MAC 2022 - Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 13 telah menganjurkan program edaran kotak makanan MPP Zon 13 di Pejabat Ahli Majlis Zon 13, Sunken Plaza. program ini bertujuan untuk meringankan bebanan komuniti di Zon 13 yang terkesan akibat COVID-19. program telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Miin.



PROGRAM NGOPI PAGI KOMUNITI

PJS 1, 12 MAC 2022 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dengan kerjasama Persatuan Penduduk PJS 1, South Avenue telah menganjurkan program Ngopi Pagi Komuniti Bersama Datuk Bandar Petaling Jaya di padang permainan Jalan PJS 1/47, Petaling Utama. Program telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ, En. Aznan Haji Hassan.



SAMBUTAN HARI WANITA

SS 25, 12 MAC 2022 - Bersempena sambutan Hari Wanita, MPP zon 22 MBPJ dengan kerjasama Gereja St. Ignatius Catholic dan Hidayah Centre Foundation telah mengadakan program perkongsian mengenai ikon wanita, bertajuk "Mencontohi Maryam: Ikon Wanita Sepanjang Zaman" seorang ikon wanita yang bermaruah, gigih, berintegriti yang wajar dicontohi oleh setiap wanita.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH MUSLIMAT

PJS 1, 13 MAC 2022 - Pejabat Ahli Majlis dan Majlis MPP Zon 17 dengan kerjasama Persatuan Sentuhan Ehsan telah menganjurkan kursus pengurusan jenazah muslimat di Surau Al Istiqlal, Pangaspuri Permai, Petaling Utama. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan cara-cara menguruskan jenazah dan memberi kesedaran kepada semua peserta. Program telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor.

Matlamat Tadabbur Al-Fatihah

1. Membaca al-Fatihah dengan tariq sebagai contoh untuk membetulkan bacaan surah2 lain.
 2. Memahami setiap perkataan dan ayat
 3. Mempraktikkan apa yang dibaca dalam kehidupan
 4. Merasai bahawa saya sedang berdialog dengan Allah setiap kali membaca al-Fatihah di dalam solat & di luar solat.

Looney Young a.

KELAS TADABBUR AL-QURAN ONLINE

KELANA JAYA, 16 MAC 2022 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar dan Pertubuhan Ikram Malaysia telah menganjurkan kelas tadabbur Al-Quran untuk wanita secara dalam talian. Kuliah ini disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sofiah Shamsudin, Pensyarah Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa. Program ini adalah acara bulanan dalam kalender aktiviti Zon 22.



PROGRAM PINTAR

EMBAH SUBANG, 17 MAC 2022 – Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) Siri 2/2022 mensasarkan pelajar peringkat sekolah rendah yang bersiko terjebak dengan masalah khususnya masalah penyalahgunaan dadah. Program ini anjuran Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Petaling dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan pelbagai aktiviti dijalankan seperti ice breaking, sesi kaunseling, x-plorasi minda dan sebagainya.



GOTONG-ROYONG TAMAN MAJU JAYA

TAMAN MAJU JAYA, 19 MAC 2022 – Seramai 75 orang penduduk terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan longkang, semak-samun serta mencuci koridor flat, gotong-royong ini merupakan anjuran bersama MPP Zon 18 dan KRT Taman Maju. Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik juga turut menyumbangkan peralatan gotong-royong kepada penduduk bagi melancarkan kerja-kerja pembersihan.



SUMBANGAN BEG SEKOLAH

SEKSYEN 52, 20 MAC 2022 - Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Miin telah turun padang menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada keluarga yang kurang berkemampuan yang telah dikenal pasti di Zon 13 untuk menampung perbelanjaan mereka menghadapi sesi persekolahan yang baru.



GOTONG-ROYONG SURAU AL-AZHAR DESA MENTARI

DESA MENTARI, 20 MAC 2022 - MPP Zon 24 telah menganjurkan program gotong-royong di Surau Al-Azhar Desa Mentari sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan 2022. Program gotong-royong ini telah dirasmikan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar dan diiringi Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad.



PROGRAM MEMBUAT SAYUR SUMBAT DAN YONG TAU FU

KELANA JAYA, 21 MAC 2022 - Bertempat di perkarangan dewan serbaguna MBPJ Jalan SS 5A/15 Kelana Jaya telah berlangsung program membuat sayur sumbat dan yong tau fu bersama wanita dan ibu tunggal sempena sambutan Hari Wanita 2022 anjuran Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Haji Ahmad.



PROGRAM GUNTING DAN CUCI RAMBUT

JALAN OTHMAN, 21-24 MAC 2022 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah menganjurkan program gunting dan cuci rambut percuma yang telah disertai oleh 33 orang wanita. Program gunting dan cuci rambut dijalankan mengikut temu janji yang telah ditetapkan demi menjaga prosedur operasi standard (SOP) penularan COVID-19.



GOTONG-ROYONG PERSATUAN PENDUDUK RUMAH PANGSA TAMAN DESARIA

TAMAN DESARIA, 22 MAC 2022 - Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar telah merasmikan program gotong-royong bersama Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Taman Desaria Fasa 5A anjuran Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad. Program yang diadakan bertujuan untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan penduduk di kawasan Zon 24.

INTEGRITI

**KEJUJURAN DAN KETULUSAN,
KESEMPURNAAN, KEPUTUHAN**

INTEGRITI bermula dari **DIRI SENDIRI**.
integriti adalah **PERBUATAN** yang **BAIK**
dan **BETUL** di sisi **AGAMA, UNDANG-UNDANG**
dan **PERATURAN**, walaupun
tiada mata yang memandang.

Jom Hebah **INTEGRITI**
Bil. 4/2022